



## SIARAN MEDIA

### **PESAWAH TERJEJAS BANJIR DI KOTA BELUD TERIMA BANTUAN MENERUSI MAFI PRIHATIN**

KOTA BELUD , 20 Feb 2021 -- Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee hari ini menyampaikan bantuan MAFI Prihatin iaitu 200 kampak beras kepada pesawah terjejas akibat banjir di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kota Belud.

Penyampaian sumbangan bantuan banjir MAFI Prihatin merupakan tanggungjawab sosial MAFI yang mengumpulkan sumbangan keperluan asas makanan dari agensi di bawah MAFI bersama organisasi lain termasuk Padiberas Nasional Berhad (BERNAS).

Pada majlis sama, YB Dr Ronald turut menyampaikan pampasan banjir kepada 206 petani akibat bencana banjir pada Oktober tahun lalu yang bernilai RM264,000 menerusi Tabung Bencana Tanaman Padi yang diserahkan kepada Pengerusi Kumpulan Pengguna Air Kampung Taun Gusi 2, Saidin Karut.

Bantuan kewangan itu merupakan sebahagian daripada RM674,821 jumlah bantuan diserahkan kepada pesawah terjejas banjir pada tahun lepas.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis itu, YB Dr Ronald menyatakan program pembangunan IADA Kota Belud akan terus dirancakkan pada tahun ini termasuk meneruskan pembangunan kompleks pentadbiran agensi itu yang dianggarkan RM36 juta.

Bangunan ini akan memberi kemudahan kepada kakitangan IADA Kota Belud bagi merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti pembangunan kepada pesawah selain menjadi pusat latihan (Centre of Excellence) kepada pesawah bagi meningkatkan ilmu dan pengetahuan dalam pembangunan industri padi.

Selain itu, kerja-kerja menambahbaik dan membina baharu sistem saluran dan pengairan sawah IADA Kota Belud juga akan diteruskan pada tahun ini bagi membolehkan para pesawah di bawah kendalian agensi itu dapat menanam padi dua kali setahun, katanya.

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM360 juta bagi melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran dan pengairan serta kaedah pengurusan tanaman di IADA Kota Belud, dan setakat ini, RM160 juta daripadanya telah digunakan.

Pada masa sama, Dr Ronald turut menekankan usaha MAFI untuk terus memperkasa konsep penanaman padi berskala besar bagi meningkatkan hasil penanaman padi serta meningkatkan pendapatan petani.

Konsep penanaman padi berskala besar perlu dilakukan secara baik dengan menerapkan pendekatan baharu yang boleh mengurangkan kos, bermakanisasi moden serta aplikasi kaedah pertanian tepat. Ini akan dapat mengurangkan kebergantungan kepada beras import sekali gus meningkatkan pengeluaran padi beras negara dan pendapatan pesawah.

**DISEDIAKAN OLEH:  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
20 FEBRUARI 2021**

## LAMPIRAN MAKLUMAT

1. Bantuan Bencana Banjir kerosakan sawah padi jumlah tuntutan yang bernilai RM264,055.32 bagi 206 petani.
2. Jumlah sumbangan yang diterima bagi Misi MAFI Prihatin Sabah:

<b>BERNAS</b>	<b>Kuantiti/Orang (RM)</b>	<b>Jumlah Bilangan Mangsa Banjir</b>
Beras 10kg	Nilai RM25.00 seorang	Bilangan 200 orang mangsa banjir
<b>Jumlah</b>	<b>RM5,000.00</b>	

3. Penerima Misi MAFI Prihatin Sabah di kawasan Kota Belud membabitkan 200 orang meliputi kawasan seperti berikut:
  - i. Kampung Tamau